

Kesusasteraan Melayu dalam Sistem Pendidikan Malaysia*Malay Literature in Malaysian Education System*

Abdul Halim Ali

halim.ali@fbk.upsi.edu.my

Profesor Jabatan Bahasa dan Kesussasteraan Melayu

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Published: 29 April 2024**To cite this article (APA):** Ali, A. H. (2024). Kesusasteraan Melayu dalam Sistem Pendidikan Malaysia. *PENDETA*, 15(1), 27–34. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.fa.3.2024>**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.fa.3.2024>**ABSTRAK**

Makalah ini bertujuan untuk membincangkan secara historikal perkembangan kesusasteraan Melayu sebagai satu mata pelajaran dalam sistem pendidikan Malaysia. Perbincangan dimulakan dengan menyoroti perkembangan di peringkat awal bermula pada penghujung abad ke-19, yang menunjukkan kesusasteraan Melayu menjadi bahan kajian dalam kalangan beberapa tokoh penjajah Inggeris seperti R.O. Winstedt dan R.J. Wilkinson. Kesusasteraan Melayu juga dijadikan mata pelajaran utama di sekolah dan di maktab-maktab. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, kesusasteraan Melayu dijadikan sebagai satu mata pelajaran. Dalam era reformasi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan dan mata pendidikan, Kesusasteraan Melayu diletakkan dalam kelompok mata pelajaran elektif. Pada tahun 2015, kurikulum KBSM diubah kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) manakala, nama mata pelajaran Kesusasteraan Melayu pula ditukarkan kepada nama baharu iaitu Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Dalam era globalisasi dan era teknologi baharu, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sering berdepan dengan isu penutupan penawarannya di kebanyakan sekolah menengah. Isu ini dikaitkan dengan beberapa faktor. Namun begitu, hasil perkembangan semasa menunjukkan kekusasteraan Melayu mempunyai potensi yang amat baik dalam pelbagai sektor pekerjaan khususnya bidang pendidikan yang menjadikannya sentiasa relevan dalam pembangunan negara Malaysia.

Kata Kunci: Kesusasteraan Melayu; mata Pelajaran; kurikulum; KBSM; KSSM.**ABSTRACT**

This paper aims to discuss historically the development of Malay literature as a subject in the Malaysian education system. The discussion began by highlighting the development in the early stages starting at the end of the 19th century, which showed that Malay literature became a subject of research among some British colonial figures such as R.O. Winstedt and R.J. Wilkinson. Malay literature is also become a main subject in Malay schools and colleges. After Malaya achieved independence, Malay literature was stand as a subject. In the education reform era, the concept of Integrated Curriculum of Secondary School (KBSM) was introduced and, Malay Literature stand as an educational subject and it was placed in the group of elective subjects. In 2015, the KBSM curriculum was changed to the new curriculum called Standards Curriculum of Secondary School (KSSM), while the name of Malay Literature subject was changed to a new name which is Malay Literature Communicative. In the era of globalization and new technology era, the subject of Malay Literature often faces the issue of closing its offerings in most secondary schools. This issue is linked to many factors. Nevertheless, the results of the current development show that Malay literature has very good potential in various career, especially in the field of education, which makes it always relevant in the development of Malaysia.

Keywords: Malay Literature, subject; curriculum; KBSM; KSSM.

PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu sebagai satu mata pelajaran bermula apabila sistem pendidikan moden diperkenalkan oleh penjajah Inggeris di Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Walau bagaimanapun, perkembangan bidang penyelidikan ilmu sastera telah berlaku dalam abad ke-19. Pada ketika itu, pegawai-pegawai Inggeris yang bertugas di Tanah Melayu seperti R.O. Winstedt dan R.J. Wilkinson menjalankan kegiatan penyelidikan bahasa dan sastera di samping menghasilkan buku-buku sebagai bahan bacaan di sekolah-sekolah Melayu.

Perkembangan ini kian rancak, apabila tertubuhnya Sultan Idris Training College (SITC) pada 29 November 1922. SITC di Tanjung Malim, Perak. SITC memainkan peranan penting kepada perkembangan dan kemajuan pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu, kerana ia dianggap sebagai `universiti pertama` orang-orang Melayu ketika itu. Sejarah juga mengakui SITC berperanan menyebarkan kebangkitan kesedaran perjuangan bahasa, sastera, politik, intelek dan agama Islam di rantau alam Melayu. Daripada bumi Tanjung Malim ini, lahir ramai tokoh pendidik terhebat di seluruh negara seperti Awang Had Salleh, Ibrahim Yaacob, Buyong Adil, Aminuddin Baki, Harun Aminurrasid, Ghaffar Baba, Atan Long, Masuri S.N., Sidek Sanif dan ramai lagi.

Pendidikan bahasa dan kesusasteraan Melayu merupakan dua mata pelajaran yang terpenting dan menonjolkan SITC sebagai pusat perkembangan persuratan Melayu terpenting di Tanah Melayu. Perkembangan bidang bahasa dan sastera Melayu dan juga bidang-bidang ilmu lain terus maju dan berkembang pesat apabila pejabat Karang Mengarang ditubuhkan. Kegiatan penulisan, penterjemahan dan penerbitan sangat giat dengan diterajui oleh Pendeta Za'ba dan para penterjemahan yang bertugas.

PENGAJARAN KESUSASTERAAN MELAYU PERINGKAT AWAL

Menurut Annas Haji Ahmad (1964), di antara cerita-cerita yang dibukukan untuk dijadikan bahan bacaan di sekolah ialah *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Anggun Che' Tunggal*, *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*, hikayat-hikayat lain seperti *Raja Donan*, *Raja Budiman*, *Raja Ambong dan Seri Rama* yang diterbitkan dalam *Journal of the Royal Asiatic Society, Straits Branch*. Kebanyakan bahan bacaan ini merupakan karya saduran daripada karya sastera Arab, Parsi dan Hindu yang telah disesuaikan dengan pemikiran dan kepercayaan masyarakat Melayu pada masa itu.

Usaha-usaha penulisan, penterjemahan dan penerbitan yang berlaku di SITC telah mendorong berlakunya aktiviti pengajaran kesusasteraan Melayu di sekolah-sekolah dan di maktab-maktab perguruan, selain memberi peluang kepada pendidikan sekolah Melayu untuk menerima pelbagai bahan bacaan yang sesuai dengan pemikiran, adat dan budaya orang Melayu. Dengan berkembangnya pengajaran dan pembelajaran di sekolah, penerbitan buku-buku pengetahuan dan pelajaran makin bertambah. Salah seorang tokoh guru yang penting memainkan peranan ini pada peringkat awal ialah Munshi Sulaiman B. Muhammad Nor. Munshi Sulaiman bersama Paderi Shellabear telah mengumpul dan menerbitkan buku peribahasa Melayu, iaitu *Kitab Kiliran Budi* (1906) dan Munshi Sulaiman juga telah mengarang *Kitab Gemala Hikmat* (1907) dan *Teka-teki* (1914).

GURU KESUSASTERAAN MELAYU TERAWAL

Munshi Sulaiman bin Muhammad Nur

Munshi Sulaiman bin Muhammad Nur dapat dianggap sebagai salah seorang tokoh guru yang telah memainkan peranan penting dalam usaha menghasilkan penulisan, penterjemahan buku-buku di peringkat awal perkembangan pendidikan formal di Tanah Melayu. Beliau dilahirkan di Siak, Sumatera pada tahun 1870 dan meninggal dunia di Johor Baharu pada tahun 1928. Jenazah cikgu Munshi Sulaiman dikebumikan dengan perintah Sultan di Makam Diraja Mahmudiyah.

Peranan dan tugas penting Munshi Sulaiman sebagai guru, penulis dan penterjemah bermula pada tahun 1900 apabila R.J. Wilkinson, penaja maktab Melayu Singapura telah mengambil Munshi Sulaiman menjadi salah seorang guru di maktab tersebut. Beliau telah mengajar di maktab tersebut sehingga tahun 1914. Sepanjang hayatnya Munshi Sulaiman pernah mengarang beberapa buku antaranya, buku berjudul *Kitab Gemala Hikmat*, *Kitab Kiliran Budi* bersama-sama W.G. Shellabear dan

Miftah Pengenalan yang diterbitkan sesudah ia meninggal dunia (Awang Had Salleh, 1974). Jika dilihat dari sudut sejarah pengajaran Kesusasteraan oleh Munsyi Sulaiman ini, beliau dikatakan mengajar Kesusasteraan Melayu secara spontan dengan menggunakan idea-idea dan buah fikirannya sendiri tanpa merujuk mana-mana buku sebagai sumber pengajaran sastera. Misalnya, mengajar menggunakan syair yang ditulis secara spontan di papan hitam. Syair-syair yang dikarang di papan hitam sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara tidak langsung telah mendidik murid-murid untuk mendekati dan memahami syair walaupun pengajarannya tidak secara meluas.

Melalui teka-teki pula banyak menyelitkan pelbagai pengajaran dan nilai-nilai murni yang bertujuan untuk mendidik dan membentuk keperibadian murid dengan akhlak yang baik. Melalui syair dan pantun teka-teki seperti inilah, Munsyi Sulaiman mendidik dan mengajar murid-muridnya sama ada secara spontan mahupun berdasarkan pengalamannya sehingga beliau banyak berjaya mengarang dan menghasilkan beberapa jenis buku kesusasteraan yang dapat diguna pakai dalam pengajaran kemudiannya.

Kesusasteraan Melayu Mata Pelajaran Utama di Maktab Melayu Melaka

Antara mata pelajaran penting yang diajar di Maktab Melayu Melaka ialah Kesusasteraan Melayu, Kaedah Pengajaran dan Pengurusan Sekolah. Tetapi pelajaran ini bukanlah terlalu tinggi, ia hanya cukup untuk menguruskan sekolah kampung yang penuntutnya tidak terlalu ramai dan pelajarannya tidak terlalu tinggi. Sukatan pelajaran ini hanya bertujuan untuk membolehkan guru-guru mempunyai pengetahuan yang lebih baik dan tinggi sedikit daripada anak-anak muridnya.

Kesusasteraan Melayu merupakan mata pelajaran yang utama di maktab Melayu Melaka. Ini kerana R.J. Wilkinson yang menjadi perancangnya adalah peminat sastera Melayu. Melalui inisiatifnya dan disokong oleh kerajaan Negeri-Negeri Selat, beliau telah mengumpulkan bahan kesusasteraan Melayu sama ada yang bertulis atau lisan, dan mencetak bahan-bahan kesusasteraan itu. Wilkinson berpendapat bahawa bahan sastera yang diterbitkan itu bukan sahaja dapat dijadikan buku-buku teks di maktab ini, tetapi juga akan dapat mengekalkan hasil kebudayaan orang Melayu. Antara buku-buku yang dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu di maktab ini ialah *Hikayat Awang Sulong Merah Muda*, *Hikayat Malim Deman*, *Malim Dewa*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Abdullah*, *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Guk-Bakawali* dan cerita-cerita jenaka Melayu seperti cerita *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Kaduk*, *Si Luncai* dan banyak lagi.

PELAJARAN KESUSASTERAAN MELAYU SELEPAS MERDEKA

Pada tahun 1956, satu laporan hasil kajian bagi menambah baik pendidikan di Tanah Melayu iaitu Laporan Razak dikeluarkan. Menerusi laporan ini bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah. Pelajaran kesusasteraan Melayu pula telah dipertingkatkan iaitu dengan memperkenalkannya sebagai satu mata pelajaran. Mata pelajaran Sastera Melayu diperkenalkan dan boleh diambil dalam peperiksaan *Federation of Malay Certificate of Education* (FMC) oleh murid-murid Tingkatan 5 (Ibrahim Bin Mohamad, 2014:1). Mata pelajaran ini diletakkan di bawah kategori II A sebagai *General Subjecting* iaitu *Malay Literature* (Misran Rokimin, 1997). Menurut Hanapiah Sudin (1993), bermula tahun 1957 mata pelajaran Kesusasteraan Melayu telah diperkenalkan dan murid sekolah menengah dibenarkan menjawab peperiksaan bagi mata pelajaran ini dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dan pada tahun 1959 peraturan menjawab dalam bahasa Melayu telah diwajibkan.

KEDUDUKAN MATA PELAJARAN KESUSASTERAAN MELAYU DALAM SISTEM PENDIDIKAN DI SEKOLAH MENENGAH

Dalam kurikulum Pendidikan di sekolah masa kini, Kesusasteraan diajar dalam dua mata pelajaran, iaitu mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan mata pelajaran Bahasa Melayu. Kedudukan kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ialah sebagai satu subjek (mata pelajaran) dalam kelompok mata pelajaran Elektif Kemanusiaan. Manakala, dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kesusasteraan Melayu dihadirkan hanya sebagai unsur atau komponen sahaja. Ini bermakna kesusasteraan Melayu berdiri sebagai entiti tunggal satu mata pelajaran dan dalam satu situasi

lain hanya sebagai sisipan untuk memperlengkapkan pengajaran bahasa Melayu dari sudut seni dan keindahan bahasa.

Tujuan pengajaran kesusasteraan Melayu sebagai satu mata pelajaran adalah untuk melengkapkan ilmu sastra dengan harapan agar pelajar dapat menghayati, menghargai, mencintai dan membanggakan bahasa dan sastra Melayu. Cakupan dan keluasan sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu lebih luas dan tergabung di dalamnya semua genre sastra Melayu. Hal ini berbeza dengan pengajaran Kesusasteraan Melayu sebagai salah satu unsur atau komponen dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Tujuan pengajaran komponen sastra ini ialah untuk mengukuhkan kemahiran bahasa dan kecekapan berbahasa, memupuk keseronokan dan kenikmatan membaca, meningkatkan minat serta penghayatan pelajar terhadap bahan sastra

MATLAMAT DAN OBJEKTIF PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU

Sebagaimana yang dijelaskan, bahawa matlamat pendidikan negara adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, intelek dan jasmani murid-murid. Maka, kesusasteraan Melayu dari beberapa sudut mempunyai peranan yang amat penting bagi mengisi keperluan matlamat ini khususnya dari aspek rohani, intelek dan emosi pelajar. Unsur emosi adalah unsur terpenting yang banyak mempengaruhi setiap gerak laku luaran diri murid-murid. Emosi bertunjangkan hati. Hati adalah punca segala akibat. Hati yang baik akan menghasilkan emosi yang baik. Emosi yang baik dan stabil seringkali dikaitkan dengan corak gerak laku luaran yang baik, demikianlah sebaliknya. Nu'man bin Basyir sepertimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim berkata, aku mendengar Nabi SAW bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ، فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ
Maksudnya: “Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung).”

Tuntutan emosi memerlukan murid-murid dibekalkan dengan bahan-bahan dan keperluan-keperluan yang boleh sampai kepadanya. Kepincangan usaha melengkapkan keperluan ini boleh meletakkan emosi dalam keadaan tidak stabil. Di sinilah peranan kesusasteraan Melayu yang di dalamnya terkandung pelbagai genre sebagai sumber ilmu yang boleh melengkapkan keperluan emosi tersebut.

Genre puisi misalnya, membekalkan banyak keperluan sebagaimana yang dikehendaki oleh emosi. Unsur keindahan bahasa dalam pengucapan puisi, kehalusan seni dalam pemilihan kata mampu mendamaikan jiwa yang resah, mengubat perasaan yang terluka, menyejukkan amarah yang membara. Puisi adalah satu seni pengungkap bahasa dalam bentuk indah dan keindahan ini mampu menyumbang kepada pemupukan sikap harmonis murid-murid di samping menimbulkan suasana jiwa yang tenang baik sewaktu atau selepas sesi pengajaran dan pembelajaran.

KESUSASTERAAN MELAYU DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

Kesusasteraan Melayu dalam konteks pendidikan di sekolah menengah di Malaysia merujuk kepada karya-karya asal yang tertulis dalam bahasa Melayu berunsurkan keindahan dan kehalusan, sama ada berbentuk novel, cerpen, drama, sajak, prosa tradisional atau puisi tradisional bagi mengimbangi perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani di samping memaparkan nilai kemanusiaan, dan citra masyarakat (Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu, BPK, 2003). Sebagai satu mata pelajaran, Kesusasteraan Melayu telah diajar di sekolah-sekolah menengah Malaysia sejak sekian lama dengan kadar sukatan yang ditentukan mengikut kesesuaian zaman dan perubahan.

Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu Elektif (KME) di sekolah telah melalui pindaan atau semakan kurikulum bermula pada tahun 1957, 1991 dan 2003 (Ibrahim Mohammad, 2004:2). Matlamat kurikulum KME sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid-murid dengan ilmu sastra agar dapat menghayati, menghargai, mencintai dan membanggakan bahasa dan sastra Melayu dalam bidang pendidikan dan kerjaya ke arah pemantapan dan cita rasa dalam kalangan masyarakat. Objektif pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu Elektif adalah bagi membolehkan murid:

1. Memahami isi dan menganalisis aspek sastra;
2. Mengapresiasi karya sastra melalui aktiviti sastra;
3. Menghayati dan menghargai estetik bahasa;
4. Menghargai penulis dan karya yang dihasilkannya;
5. Memberikan pandangan, menilai karya sastra secara kritis dan menyuburkan nilai kemanusiaan di samping memupuk semangat cinta akan negara;
6. Menghasilkan karya sastra yang pelbagai, sesuai dengan kebolehan murid; dan
7. Memupuk budaya membaca untuk memperkembang dan mengekalkan minat terhadap sastra.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991:4)

Berdasarkan matlamat dan objektif yang dinyatakan, KME bertujuan untuk melengkapkan murid-murid dengan ilmu sastra melalui kajian teks, menghargai karya penulis agung dan terkenal, seterusnya mampu menghasilkan pelbagai genre sastra yang berkualiti.

Bagi mencapai matlamat ini, murid diwajibkan mengkaji karya-karya yang telah ditetapkan oleh KPM. Karya-karya ini adalah karya-karya yang dihasilkan pengarang Malaysia yang dipilih secara teliti. Antara karya yang pernah dijadikan teks wajib dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat sekolah menengah ialah;

1. Di Penjuru Matamu
2. Bahasa Alam
3. Titian Zaman
4. Bunga Gerimis
5. Lukisan Zaman
6. Mereka yang Tertewas
7. Badai Semalam
8. Mira Edora
9. Seorang Tua di Kaki Gunung
10. Julia

Bermula tahun 2001, karya-karya kesusasteraan Melayu dalam bentuk antologi telah dimansuhkan (Abdul Halim Ali, 2007:139). Karya-karya yang terpilih dikumpulkan bersama dalam dua buah teks iaitu *Bacalah Dalam Bahasamu Jilid A*, *Bacalah Dalam Bahasamu Jilid B* dan *teks Hati Terkenang Mulut Menyebut*. Bermula tahun 2010, berlaku pula pertukaran teks. Karya-karya baharu yang dipilih sebagai teks kajian dikelompokkan kepada empat kelompok, iaitu;

1. Dua buah novel:
 - a. *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abd. Rashid
 - b. *Dari Lembah ke Puncak*, karya Ghazali Lateh.
2. Antologi *Anak Global* (kompilasi genre cerpen, sajak dan drama)
3. Antologi *Madu Ilmu* (kompilasi genre cerpen, sajak dan drama)
4. Antologi *Seuntai Kasih Secebis Harapan* (kompilasi genre puisi tradisional dan prosa tradisional)

Mulai tahun 2015 teks kajian bagi pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu ditukar lagi. Proses pemilihan teks sering kali menimbulkan polemik dan kritikan. Justeru, pemilihan karya untuk dijadikan teks bermula tahun 2015 dilakukan secara ketat dan selektif. Karya-karya baharu yang dipilih lebih kecil jumlahnya dan dikelompokkan dalam beberapa teks berikut;

1. Sebuah novel: berjudul *Naratif Ogoshoto* karya Anwar Ridhwan
2. Nilai Insan (Kompilasi genre puisi dan prosa tradisional)
3. Kubentang Sehelai Peta (Kompilasi genre puisi dan prosa moden)

DARIPADA KBSM KEPADA KSSM

Pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang dilaksanakan sejak tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Kurikulum baharu ini mengambil kira standard kurikulum yang menjadi amalan antarabangsa. Standard itu dimasukkan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi termasuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sekolah menengah. Dengan perubahan baharu ini, nama mata pelajaran Kesusasteraan Melayu telah ditukar atau diubah kepada nama Baharu, iaitu Kesusasteraan Melayu Komunikatif.

Istilah Komunikatif dirumuskan sebagai pelengkap kepada konsep baharu kurikulum yang menitikberatkan pengajaran dan pembelajaran secara praktikal, penerokaan minda, penghayatan dan mencabar daya kreatif murid. Guru digalakkan mengadakan sesi perkongsian pengalaman bersama-sama para karyawan sastera serta orang yang pakar dalam bidang yang berkaitan agar dapat membantu murid mendekati, memahami, menghayati dan menghargai kesusasteraan dengan lebih baik. Murid juga digalakkan meneroka pengalaman di luar sekolah dalam usaha mencari idea dan inspirasi dalam berkarya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Stigma Negatif Masyarakat Terhadap Pendidikan Kesusasteraan Melayu

Ahmad Khalilul Hameedy Nordin (2017) dalam ruangan Suara Anak Muda menyatakan pandangannya tentang persoalan kebolehpasaran graduan. Beliau berpandangan bahawa persoalan kebolehpasaran graduan daripada pengajian kesusasteraan menjadi faktor yang menyebabkan jumlah pelajar pengajian kesusasteraan menurun saban tahun. Katanya lagi, sememangnya tidak dinafikan bahawa ilmu yang dipelajari bukanlah semata-mata modal untuk dunia pekerjaan, bahkan ilmu yang dipelajari, khusus kesusasteraan, berperanan penting untuk melahirkan manusia yang mempunyai nilai insani. Kesusasteraan itu sendiri sering dikaitkan dengan ilmu yang mampu merungkai persoalan jiwa. Kesusasteraan itu kadang-kadang dipandang sebagai sesuatu yang abstrak, tidak seperti aliran sains yang tampak konkrit. Yang paling menyedihkan apabila kesusasteraan itu sendiri sentiasa dilabelkan dan dianggap sebagai bahan khayal-khayalan. Ahmad Khalilul Hameedy Nordin seterusnya menegaskan sebagai pelajar kesusasteraan, persoalan sebegini merupakan cabaran dan bukan penghalang untuk terus ke hadapan. Persoalan pekerjaan sememangnya tidak boleh dipinggirkan daripada Perbincangan kesusasteraan itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana era globalisasi hari ini mendesak pelajar kesusasteraan tampil lebih kreatif menghasilkan sesuatu yang tampak konkrit yang mampu memberikan nilai tambha kepada sesuatu yang bersifat abstrak.

Berikutnya, pandangan Tan Sri Arshad Ayub (2016) Pro-Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) berkait dengan pendidikan sastera. Dalam satu majlis ketika menghadiri *Editor's Luncheon* Yayasan Pintar di Bangsar beliau ada membuat kenyataan akhbar berkait dengan kebimbangan beliau terhadap permintaan kepada pendidikan sastera semakin berkurangan. Beliau menyebutkan permintaan terhadap pendidikan sastera di negara ini dilihat agak membimbangkan kerana persepsi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terhadap bidang itu yang dianggap tidak menjamin alam pekerjaan.

Beliau seterusnya menyatakan, 'kita sangat memerlukan sains sosial bagi menghadapi persaingan global yang begitu hebat. Pada saya negara tidak boleh hanya fokus terhadap sains, teknologi, kejuruteraan awam dan matematik (STEM) sahaja. Sains sosial dan sastera ini sama mustahak seperti aliran Sains dan Teknologi untuk bersama-sama membawa rakyat negara ke tahap yang lebih tinggi'. Beliau yang juga Pengarah pertama Institut Teknologi Mara (ITM) menasihati pihak universiti turun padang memberi pemahaman yang betul tentang kesusasteraan secara lebih meluas kepada pelajar aliran sains di sekolah-sekolah seluruh negara. Jelasnya, bagi Tan Sri Arshad Ayub jurusan sastera dan sains sama-sama penting dalam konteks pembangunan negara.

Dua buah pandangan yang dibawakan dalam perbincangan ini menjelaskan dapat membuka pandangan bahawa stigma negatif terhadap pengajian kesusasteraan Melayu sebagai bidang pengajian

yang tidak menjamin pekerjaan dan tidak bernilai komersial telah lama menghantui fikiran murid-murid di sekolah, pelajar di pusat pengajian tinggi, ibu bapa dan juga masyarakat awam.

Kebolehpasaran Graduan Pendidikan Kesusasteraan Melayu

Keperluan tenaga kerja dalam bidang pendidikan di negara ini sentiasa terbuka kepada semua bidang ilmu. Selagi ada institusi pendidikan seperti sekolah, kolej, universiti, institut pendidikan guru, prasekolah dan sebagainya, maka selama itulah peluang pekerjaan untuk graduan terbuka luas. Apatah lagi dalam suasana jumlah murid dan sekolah bertambah saban tahun dan ramai pula tenaga pendidik di sekolah yang masuk ke alam pencen dan ada yang menamatkan perkhidmatan lebih awal daripada tarikh pencen.

Kebolehpasaran graduan pendidikan kesusasteraan Melayu dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak misalnya, mencapai 86 peratus setiap tahun. Ini bermakna, graduan yang bergraduasi berhasil memperolehi pekerjaan, khususnya sebagai pegawai perkhidmatan siswazah di sekolah. Kerjaya sebagai guru adalah kerjaya yang paling sesuai dengan kelulusan pelajar dalam bidang pendidikan. Graduan inilah yang bakal mengisi jawatan sebagai guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah menengah dan Pra-Universiti. Dengan jumlah sekolah yang masih banyak menawarkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di seluruh negara, maka ia adalah satu peluang luas untuk membolehkan graduan dalam bidang pendidikan Kesusasteraan Melayu mengisi kekosongan yang ada.

Pada masa ini pasaran tenaga kerja bagi graduan yang tamat dengan jayanya pengajian di universiti adalah bersifat pasaran terbuka. Bagi graduan yang tidak berminat menjadi pendidik di sekolah, mereka boleh menceburi dalam bidang lain seperti berikut;

1. Kewartawanan
2. Penulisan kreatif
3. Perancang bahasa dan budaya
4. Penyuntingan dan penerbitan
5. Penulis profesional
6. Penyelidik sastera, budaya, bahasa dan warisan
7. Penggiat sastera profesional
8. Perunding sastera
9. Pengurus sastera
10. Pengarahan teater, drama dan seni lakon

Di samping faktor kebolehpasaran, aspek terpenting dalam pemilihan kerjaya ialah minat, kebolehan dan pengaruh persekitaran. Ramai pelajar yang bergraduasi dengan kepakaran yang berbagai-bagai. Namun, sekiranya minat kepada sesuatu kerjaya itu tidak ada dalam diri dan keinginan, maka sukarlah bagi mereka untuk menempatkan diri dalam sesuatu kerjaya. Kerana itu, faktor bidang pengajian bukanlah satu-satunya faktor yang menentukan kebolehpasaran atau luas dan banyaknya peluang mendapat kerja. Banyak lagi faktor lain seperti yang dinyatakan, iaitu minat, kebolehan dan pengaruh persekitaran boleh menjadi antara sebab-sebab sukarnya pelajar mendapat kerja yang sesuai dan yang pasti ia bukannya berpunca dari kesusasteraan Melayu.

Kebergantungan Bidang Lain Kepada Kesusasteraan Melayu

Hal ini tidak ramai pelajar menyedarinya. Malah ada yang melihat agak mustahil bidang kerjaya lain memerlukan bidang kesusasteraan. Hakikat dan realiti yang perlu disedari oleh graduan kesusasteraan Melayu ialah banyak bidang pekerjaan di luar sana yang bergantung kepada kesusasteraan Melayu. Misalnya bidang teknologi animasi, seni visual, penerbitan, pengiklanan, penyiaran, perfileman dan multimedia.

Bidang perfileman misalnya, memerlukan bahan daripada kesusasteraan sebagai isi kandungan cerita untuk difilemkan. Perkara ini bukan baharu dalam dunia perfileman. Malah bukan sedikit cerita yang difilemkan adalah bersumberkan teks-teks kesusasteraan, misalnya filem *Bukit Kepong*, filem *Merong Mahawangsa*, *Ombak Rindu*, *Adam dan Hawa*, *Ayat-Ayat Cinta* dan sebagainya. Demikian juga

dengan drama TV, drama radio yang berkait langsung dengan kerjaya dalam bidang penyiaran juga bergantung kepada kesusasteraan. Penyiaran drama memerlukan kemahiran membina skrip, lakonan dan mementaskan. Semua ini diambil ilmu dan isinya daripada bidang kesusasteraan.

Di sinilah perlunya graduan dalam bidang kesusasteraan Melayu melihat dengan perspektif baharu bahawa perlu ada keseimbangan dari segi isi, bahan dan kemahiran dalam memilih kursus-kursus yang ditawarkan. Ini bertujuan kekayaan kesusasteraan sebagai isi kandungan dapat dimanfaatkan dengan alatan (tools) teknologi bagi menghasilkan produk yang bernilai komersial.

KESIMPULAN

Di sebalik kemeriahan kesusasteraan Melayu dalam perkembangan dan kemajuan negara, tiba-tiba dunia pendidikan sering dijangkiti penyakit `alaham sasme` dalam kalangan pentadbir sekolah. Penyakit ini memberi telah menyebabkan penawaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dihentikan. Penyakit ini memberi kesan negatif terhadap persepsi murid dan masyarakat terhadap kesusasteraan Melayu sebagai mata pelajaran yang tidak bernilai ilmu dan komersial.

Kesusasteraan Melayu merupakan salah satu pusaka bangsa Melayu yang nilai tingginya tidak berhubung, luas manfaatnya tidak bertepi. Mendidik anak bangsa dan rakyat keseluruhannya dengan kesusasteraan Melayu bererti mewariskan kepada mereka pusaka bangsa yang menjadi salah satu tunggak jati diri bangsa besar yang bertamadun, membina generasi masa hadapan yang kenal akar leluhurnya dan menghargai sepanjang kehidupannya pusaka bangsa yang diwarisi.

RUJUKAN

- A. Halim Ali. (2004). *Di Sekitar Puisi Melayu Moden*. Tanjong Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A. Halim Ali. (2018). *Pendidikan Kesusasteraan Melayu: Sejarah, Perkembangan dan Kebolehpasaran*. Shah Alam: Penerbit NHA Excell Resources.
- Abu Bakar Nordin *et. al* (2000). *SITC-UPSI Pelopor Pendidikan Bangsa*. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Annas Haji Ahmad. (1964). *Sastera Melayu Baru*: Saudara Sinaran Berhad.
- Awang Had Salleh. (1974). *Pengajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran: Kesusasteraan Melayu tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hanapiah Sudin. (1993). *Pendidikan sastera dalam KBSM*. Ulu Klang: Progressive Publication House Sdn. Bhd.
- Ibrahim Bin Mohamad. (2012). Sastera dalam pendidikan di sekolah. *Seminar HISMA*. Diterbitkan.
- Misran Rokimin. (1997). Mereka yang Tertewas: Satu Kajian Teks dan Hubungannya dengan Latar Belakang Sosial Pelajar. *Tesis Doktor Falsafah*. Univeristi Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Taib Osman. (1977). *Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazmi Yaakub. (2010). Sastera di sekolah rendah. *Berita Harian*, 3 Mei 2010.